

**PENGLIBATAN USAHAWAN BUMIPUTERA DALAM SEKTOR
PELANCONGAN : SATU KAJIAN KES DI KAWASAN BANDAR HILIR,
MELAKA.**

GOH LAY KIM

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS ♦

JUDUL: **PENGLIBATAN USAHAWAN BUMIPUTERA DALAM SEKTOR PALANCONGAN: SATU KAJIAN KES DI KAWASAN BANDAR HILIR, MELAKA.**

SESI PENGAJIAN: **2008/2009**

Saya **GOH LAY KIM** mengaku membenarkan tesis (PSM/~~Sarjana/Doktor Falsafah~~)* ini disimpan di Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Teknologi Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. ** Sila tandakan (✓)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam akta rahsia rasmi 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh

Kim.

[Signature]

(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:
40, JALAN MAJU,
86000 KLUANG,
JOHOR.

EN. SHAHRIN BIN HASHIM
(Nama Penyelia)

Tarikh : 17 APRIL 2009

Tarikh : 17 APRIL 2009

- CATATAN:
- * Potong yang tidak berkenaan
 - ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/ organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
 - ♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM)

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup)”.



Tandatangan :

Nama Penyelia : EN. SHAHRIN BIN HASHIM

Tarikh : 17 APRIL 2009

PENGLIBATAN USAHAWAN BUMIPUTERA DALAM SEKTOR
PELANCONGAN: SATU KAJIAN KES DI KAWASAN BANDAR HILIR, MELAKA.

GOH LAY KIM

Tesis ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan
(Kemahiran Hidup)

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL, 2009

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.



Tandatangan :

Nama Penulis : GOH LAY KIM

Tarikh : 17 APRIL 2009

**Kepada ibu bapa yang disanjung
(GOH CHAT & GAN GIOCK LIEW)**

**dan
Ahli keluarga yang dikasihi yang memberi dorongan ke arah kejayaan
ini**

**serta
rakan seperjuangan yang menyokong selama ini.**

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu penulis ingin merakamkan penghargaan ikhlas dan ribuan terima kasih kepada penyelia Projek Sarjana Muda, **En. Shahrin Bin Hashim** atas bimbingan, dorongan, tunjuk ajar, perbincangan serta nasihat pakar yang diberi sepanjang tempoh penyelidikan tesis ini.

Kerjasama daripada pihak Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MeCD), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Kementerian Pelancongan amatlah dihargai.

Penghargaan juga ditujukan kepada usahawan-usahawan bumiputera atas kerjasama yang telah diberikan untuk menjayakan projek penyelidikan ini..

Akhir sekali, penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan apa jua sokongan dan bantuan sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam proses menyiapkan Projek Sarjana Muda ini.

ABSTRAK

Sektor pelancongan merupakan penyumbang kedua terbesar dalam konteks ekonomi Malaysia sepanjang tahun 2006 dengan menyumbang sejumlah RM36.21 juta kepada ekonomi Malaysia. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan usahawan bumiputera dalam sektor pelancongan di kawasan Bandar Hilir, Melaka. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji latar belakang usahawan bumiputera, ciri-ciri usahawan bumiputera, dorongan kepada usahawan bumiputera yang terlibat dalam keusahawanan pelancongan, dan masalah-masalah yang dihadapi oleh usahawan bumiputera dalam sektor pelancongan. Kajian ini telah dijalankan ke atas 41 orang responden. Reka bentuk kajian yang dijalankan adalah dengan menggunakan kaedah tinjauan berbentuk deskriptif. Instrumen kajian adalah soal selidik yang mempunyai dua bahagian iaitu bahagian A adalah item demografi dan bahagian B adalah menjawab persoalan kajian. Hasil soal selidik dianalisis dengan menggunakan perisian komputer SPSS versi 13.0. Hasil kajian mendapati keempat-empat faktor penglibatan usahawan banyak mempengaruhi penglibatan usahawan bumiputera dalam sektor ini. Bagaimanapun, ciri-ciri usahawan merupakan faktor yang paling mempengaruhi penglibatan usahawan bumiputera dengan skor min 3.9122. Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden mempunyai ciri-ciri keusahawanan namun masih kekurangan pendedahan prosedur peminjaman modal dan pengetahuan maklumat.

ABSTRACT

Tourism sector are the second main contributor to Malaysia economy. In 2006, had been contributed RM36.21 million to Malaysia economy. The objective of this research was to identify the factors that affect local entrepreneurs involve in tourism sector at Bandar Hilir, Melaka. The factors are local entrepreneur's background, characteristic, motivation that given to local entrepreneurs to involve in this tourism entrepreneurship and the problem that faced by them in their business. Forty-one respondents were involved in this study case. Research design for this study was used description research method. The instruments were consisting of two sections. Section A comprised of demographic items and section B answered the research questions. The data was analyzed by Statistical Package for Social Science (SPSS) version 13.0. The result showed that the four factors that lead to the involvement of local entrepreneur had fully influenced in their involvement in this sector. However, the mean score of the characteristic of entrepreneur is 3.9122. The finding showed that the respondent had the entrepreneur's characteristic but they lack of exposure on capital installment's procedure and information knowledge.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	STATUS PENGESHAN TESIS	
	JUDUL	ii
	PENGAKUAN	iii
	DEDIKASI	iv
	PENGHARGAAN	v
	ABSTRAK	vi
	ABSTRACT	vii
	KANDUNGAN	viii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI SINGKATAN	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi
1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar belakang masalah	3
	1.3 Penyataan masalah	5
	1.4 Objektif kajian	6
	1.5 Persoalan kajian	6
	1.6 Kepentingan kajian	7
	1.7 Kekangan kajian	7
	1.8 Definisi terminologi	8
	1.9 Penutup	9

2	SOROTAN KAJIAN	
2.1	Pengenalan	10
2.2	Pelancongan	10
2.2.1	Sub-Sektor Sejarah	12
2.2.2	Sub-Sektor Budaya	13
2.2.3	Sub-Sektor Pelancongan Agro	14
2.2.4	Sub-Sektor Membeli-belah	14
2.2.5	Sub-Sektor Konvensyen	14
2.2.6	Sub-Sektor Kesihatan	15
2.2.7	Sub-Sektor Sukan	16
2.2.8	Sub-Sektor Rekreasi	16
2.2.9	Sub-Sektor Makan-makan	16
2.2.10	Sub-Sektor Pendidikan	17
2.2.11	Sub-Sektor Pelancongan Belia	17
2.2.12	Sub-Sektor Pelancongan Melaka: Rumahku	17
	Kedua	
2.3	Bumiputera	18
2.3.1	Melayu	18
2.3.2	Baba dan Nyonya	19
2.3.3	Serani-Portugis	19
2.3.4	Chittiar	19
2.4	Usahawan	20
2.4.1	Latar belakang usahawan	22
2.4.2	Ciri-ciri seorang usahawan	23
2.4.3	Dorongan kepada usahawan	27
2.4.4	Masalah-masalah Usahawan Bumiputera	30
2.5	Kajian lepas	33
2.6	Penutup	35
3	METODOLOGI	
3.1	Pengenalan	37
3.2	Reka bentuk kajian	37
3.3	Populasi kajian	39

3.4	Instrumen kajian	40
3.5	Kajian rintis	42
3.6	Prosedur kajian	43
3.7	Analisis data	45
	3.7.1 Min	46
3.8	Kajian Sebenar	46
3.9	Penutup	47
4	ANALISIS DATA	
4.1	Pengenalan	48
4.2	Keputusan dan analisis bahagian A	49
4.3	Keputusan dan analisis bahagian B	51
	4.3.1 Persoalan kajian pertama	51
	4.3.2 Persoalan kajian kedua	54
	4.3.3 Persoalan kajian ketiga	57
	4.3.4 Persoalan kajian keempat	60
4.4	Penutup	63
5	RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	64
5.2	Rumusan kajian	64
	5.2.1 Rumusan analisis faktor demografi	65
	5.2.2 Rumusan persoalan kajian	65
5.3	Perbincangan	67
	5.3.1 Perbincangan faktor demografi	68
	5.3.2 Perbincangan persoalan kajian	69
	5.3.2.1 Perbincangan latar belakang usahawan bumiputera	69
	5.3.2.2 Perbincangan ciri-ciri seseorang usahawan bumiputera	71
	5.3.2.3 Perbincangan mengenai sebab-sebab yang mendorong usahawan bumiputera menceburkan diri dalam sektor	72

	pelancongan	
	5.3.2.4 Perbincangan mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh usahawan bumiputera dalam sektor pelancongan	74
	5.3.3 Kesimpulan perbincangan	75
5.4	Cadangan	76
	5.4.1 Usahawan bumiputera	76
	5.4.2 MBMB (Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah)	77
	5.4.3 Institusi kewangan	77
	5.4.4 Agensi Kerajaan	78
5.5	Cadangan kajian lanjutan	78
5.6	Penutup	79
	RUJUKAN	80-85
	Lampiran A-F	86-110

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Sumber dorongan usahawan	27
2.2	Pecahan peruntukan MeCD mengikut agensi	28
2.3	Sumber kewangan projek berasaskan perkiraan komersial oleh agensi MeCD	29
3.1	Taburan populasi usahawan bumiputera dalam sektor pelancongan di kawasan Bandar Hilir, Melaka	39
3.2	Bilangan usahawan bumiputera dalam sektor pelancongan di kawasan Bandar Hillir, Melaka	39
3.3	Skala Likert lima pemeringkatan di Bahagian B soal selidik	41
3.4	Taburan item-item di Bahagian B soal selidik	41
3.5	Hasil dapatan daripada kajian rintis	43
3.6	Mengkategorikan semula skala Likert	45
3.7	5 skor kepada 3 skor berdasarkan nilai min	46
3.8	Jumlah soal selidik	47
4.1	Latar belakang responden	49
4.2	Kekerapan, peratusan dan min bagi item-item mengenai latar belakang yang mempengaruhi penglibatan usahawan bumiputera dalam sektor pelancongan	53
4.3	Kekerapan, peratusan dan min bagi item-item mengenai faktor ciri-ciri usahawan yang dimiliki oleh usahawan bumiputera dalam sektor pelancongan	56
4.4	Kekerapan, peratusan dan min bagi sebab-sebab	59

	yang mendorong usahawan bumiputera melibatkan diri dalam sektor pelancongan.	
4.5	Kekerapan, peratusan dan min bagi item-item mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh usahawan bumiputera dalam sektor pelancongan	62

SENARAI RAJAH

NO.RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Prosedur pengendalian kajian	44

SENARAI SINGKATAN

DEB	-	Dasar Ekonomi Baru
GLC	-	Syarikat berkaitan kerajaan
IPT	-	Institut Pengajian Tinggi
JKMM	-	Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia
KPA	-	Kementerian Perusahaan Awam
MARA	-	Majlis Amanah Rakyat
MBMB	-	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah
MeCD	-	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
MEDEC	-	Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia
MITC	-	Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka
MPPB	-	Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera
MPUD	-	Majlis Pembangunan Usahawan Daerah
MTPM	-	Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Melaka
NGO	-	Pertubuhan Bukan Kerajaan
NWHO	-	Nordic World Heritage Foundation
PKS	-	Perusahaan Kecil Sederhana
PUM	-	Program Usahawan Muda
PUMB	-	Perbadanan Usahawan Nasional Berhad
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	-	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
Uda	-	Perbadanan Pembangunan Bandar
WTO	-	World Tourism Organisation

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik	86
B	Surat Pengesahan Soal Selidik	92
C	Keputusan Kajian Rintis	96
D	Surat Kebenaran Fakulti Pendidikan	100
E	Program-program Pembangunan Usahawan Bagi Tahun 2008	101
F	Produk-produk Pelancongan Mengikut 12 Sub-Sektor	102

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pelancongan adalah gerakan sementara manusia ke destinasi lain di luar tempat kerja dan tempat tinggalnya yang biasa, kegiatan yang mereka lakukan selama tinggal di destinasi tersebut dan kemudahan yang disediakan untuk memenuhi keperluan mereka. Pelancongan dianggap sebagai satu kemewahan, ini kerana hanya segelintir orang yang mempunyai masa dan wang sahaja yang mampu melancong. Waktu senggang yang banyak, ekonomi yang semakin baik, kemudahan pengangkutan yang sempurna telah bergabung untuk membolehkan lebih banyak orang pergi melancong (Mathieson dan Wall, 1991).

Dalam konteks dunia hari ini, pelancongan merupakan salah satu kegiatan ekonomi dan sosial yang semakin penting. Jumlah pelancong dalam negeri dan antarabangsa semakin meningkat malah, beberapa buah negara di dunia kini memajukan sektor pelancongan sebagai sektor utama yang menjana pendapatan negara (Inskeep, 1996). Pelancongan juga merupakan sektor yang melibatkan peranan penting saling kaitan antara pihak kerajaan, bukan kerajaan dan juga orang awam (Salah Wahab dan Cooper, 2003).

Mengikut Laporan World Tourism Organisation (WTO) 2005 telah menyatakan bahawa terdapat potensi yang tinggi dalam sektor pelancongan. Menurut laporan tersebut, pada tahun 2005, jumlah ketibaan pelancong antarabangsa

di pelbagai destinasi di dunia telah mencapai angka sebanyak 803 juta orang. Dalam tahun yang sama, jumlah perbelanjaan yang dibelanjakan adalah sebanyak US\$676 bilion. Angka yang menakjubkan ini boleh dikategorikan bahawa industri pelancongan adalah antara sektor yang penting pada dunia sekarang.

Mengikut laporan dari Bahagian Promosi Pelancongan, JKMM (2008), jumlah kedatangan pelancong pada tahun 2006 melonjak 134.9% atau bertambah 2,927,540 orang berbanding tahun 2000. Pada masa inilah peluang keemasan untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan pelancongan. Oleh yang demikian penyelidik akan menyelidik faktor yang mempengaruhi penglibatan usahawan bumiputera supaya membantu mereka menceburkan diri dalam sektor ini untuk mencapai matlamat yang ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Ke-9.

Untuk memajukan sektor pelancongan, usahawan memainkan peranan yang penting. Keusahawanan dan pembentukan urus niaga baru penting bagi mencipta dan mengekalkan ekonomi yang sihat kerana ia mencipta peluang-peluang pekerjaan baru, menambah keupayaan eksport negara dan pertumbuhan ekonomi. Seseorang usahawan berfungsi sebagai pembangunan ekonomi negara dan dunia. Hal ini diakui oleh Gilder (1984) dalam kenyataannya, 'Para usahawan faham akan hukum-hukum alam dan hukum-hukum Tuhan. Mereka memakmurkan dunia. Dalam kerjaya mereka, mereka tidak tamak akan keuntungan, dan langsung tidak pedulikan keseimbangan pasaran. Mereka menghapuskan kemapanan, bukan keseimbangan. Merekalah wira sebenar ekonomi'. (*It is the entrepreneurs who know the rules of the world and the laws of the God. They sustain the world. In their careers, there is little of optimizing calculation, nothing of delicate balance of markets. They overthrow establishments rather than equilibrium. They are the heroes of economic life*). [Zafir Mohd Makhbul dan Fazilah Mohamad Hasun, 2003]

Dalam bidang keusahawanan terdapat golongan bumiputera dan bukan bumiputera. Kita tahu bahawa apabila dikatakan golongan bumiputera, maka pada pandangan orang ramai akan merasakan kerajaan akan memberi banyak insentif kepada usahawan bumiputera jika dibandingkan dengan kaum bukan bumiputera. Tanggapan ini adalah tidak benar. Menurut Arash seorang ahli dari MeCD Melaka

telah menyatakan bahawa walaupun mereka menganjurkan program kepada usahawan bumiputera, kaum bukan bumiputera juga boleh menyertai program tersebut.

Oleh yang demikian, golongan-golongan pendorong juga memainkan peranan yang penting dalam membantu usahawan bukan sekadar usahawan bumiputera tetapi usahawan bukan bumiputera juga terlibat. Tambahan pula, Melaka memang terkenal dengan pelbagai warisan budaya. Kekayaan dan kemeriahan budaya di sini terhasil daripada pelbagai kumpulan etnik yang amat bangga dengan sejarah silam mereka. Oleh yang demikian penyelidik telah memilih Melaka sebagai tempat kajiannya.

Di samping itu, golongan usahawan bumiputera yang berada di Melaka adalah terdiri daripada etnik Melayu, Baba dan Nyonya, Serani-Portugis dan Chittiar. Penyelidik memilih kawasan Bandar Hilir, Melaka disebabkan kawasan tersebut adalah kawasan tumpuan para pelancong dan juga usahawan bumiputera.

Kajian ini memperlihatkan tahap penglibatan usahawan bumiputera dalam sektor pelancongan di kawasan Bandar Hilir, Melaka. Kajian ini telah cuba menerangkan faktor penglibatan usahawan bumiputera terhadap pembangunan pelancongan, polisi kerajaan dalam membantu usahawan bumiputera, masalah-masalah yang akan dihadapi oleh kaum bumiputera semasa menjalankan aktiviti mereka dan ciri-ciri untuk menjadi seorang usahawan.

1.2 Latar Belakang Masalah

Jumlah agensi pelancongan bumiputera masih kurang kerana tidak mengetahui kepentingan industri pelancongan kepada mereka. Tambahan pula, masalah kurangnya usahawan bumiputera menceburkan diri dalam bidang pelancongan masih menjadi cabaran besar dalam pembangunan ekonomi negara. Pembabitan kaum bumiputera di semua peringkat rangkaian bekalan masih rendah

dan belum memenuhi matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diperkenalkan 35 tahun yang lalu.

Mengikut laporan tahunan 2006, Dato' Seri Mohamed Khaled Bin Nordin menyatakan bahawa, "Seperti tahun-tahun sebelumnya, kementerian meneruskan usaha mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) bagi memastikan matlamat sasaran 30% penyertaan kaum bumiputera dalam sektor korporat negara tercapai". Dalam rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) sahaja, kerajaan mensasarkan pencapaian pegangan ekuiti bumiputera dalam sektor korporat dalam lingkungan 20-25%. Selain itu, kementerian telah diperuntukan sejumlah RM5.77 billion siling peruntukan bagi membiayai pelaksanaan 633 projek-projek pembangunan dalam RMKe-9. Langkah yang telah diambil bagi mempertingkatkan penyebaran maklumat program-program keusahawanan yang dianjurkan oleh kementerian ke peringkat akar umbi melalui penubuhan Majlis Pembangunan Usahawan Daerah (MPUD) berperanan sebagai perhubungan antara agensi kerajaan dengan usahawan-usahawan luar bandar selain menyelaras dan memantau program-program keusahawanan di peringkat daerah.

Di samping itu, mengikut laporan tahunan 2006, Dato' Mansor Bin Saad menyatakan Y.A.B Perdana Menteri telah melancarkan rancangan Kesembilan (RMKe-9) untuk tempoh 2006-2010 pada Mac 2006. Salah satu daripada 5 teras utama RMKe-9 ialah menangani masalah ketidaksamaan sosioekonomi yang berterusan secara membina dan produktif, merangkumi Pembangunan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB).

Bagi menangani masalah dalam Rancangan Malaysia Ke-9, Pembangunan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) akan diteruskan dalam memenuhi agenda menyusun semula masyarakat dan memastikan penyertaan yang lebih bererti bumiputera dalam sektor ekonomi. Fasa kedua program MPPB akan dilancarkan bertujuan untuk membangunkan usahawan bumiputera yang berdikari, berdaya saing dan berdaya tahan serta PKS bumiputera yang mantap. Bagi menambah baik pelaksanaan program MPPB, keupayaan agensi amanah, GLC dan koperasi akan ditingkatkan. Penglibatan usahawan bumiputera dalam bidang

pertumbuhan baru akan digalakkan. Program pembangunan francais dan vendor akan diperkukuhkan. Pendekatan lebih sistematik dan berfokus akan diguna pakai ke arah pembangunan usahawan luar bandar, khususnya PKS asas tani dan PKS kraftangan (Ucapan Perdana Menteri dalam Rancangan Malaysia Ke-9).

Mengikut Rancangan Malaysia Ke Lapan, sektor pelancongan akan mengambil peranan yang lebih besar dalam meransang pertumbuhan ekonomi. Ketibaan pelancong dijangka mengalami pertumbuhan pada kadar purata 6.9 peratus setahun untuk mencapai 14.3 juta pada tahun 2005. Pendapatan pelancongan disasarkan berkembang pada kadar purata tahunan sebanyak 9.5 peratus untuk mencapai RM29.5 bilion pada tahun 2005. Dengan peningkatan yang berterusan dalam produk dan perkhidmatan pelancongan, pemasaran dan promosi, infrastruktur serta kerangka institusi dan kawal selia, Malaysia berada pada kedudukan yang baik untuk memperolehi faedah daripada industri pelancongan (Rancangan Malaysia Ke-Lapan 2001-2005).

1.3 Pernyataan Masalah

Usahawan bumiputera sering menghadapi masalah dalam bidang keusahawanan pelancongan. Mereka tidak dapat bersaing dengan kebanyakan usahawan kaum lain disebabkan oleh sebab-sebab tertentu. Oleh itu, pengkaji ingin meninjau sejauh mana penglibatan usahawan bumiputera dalam sektor pelancongan khususnya di kawasan Bandar Hilir, Melaka. Kajian ini juga telah mengenalpasti penglibatan usahawan bumiputera dalam sektor pelancongan dari aspek latar belakang usahawan bumiputera, ciri-ciri usahawan, masalah-masalah yang dihadapi oleh usahawan bumiputera dan dorongan yang diberikan oleh pihak kerajaan dapat membantu usahawan tersebut.

1.4 Objektif Kajian

- 1.4.1 Mengenalpasti latar belakang usahawan bumiputera di kawasan Bandar Hilir, Melaka.
- 1.4.2 Mengenalpasti ciri-ciri usahawan bumiputera di kawasan Bandar Hilir, Melaka.
- 1.4.3 Mengenalpasti sebab-sebab yang mendorong usahawan bumiputera melibatkan diri dalam keusahawanan pelancongan di kawasan Bandar Hilir, Melaka.
- 1.4.4 Mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh usahawan bumiputera di kawasan Bandar Hilir, Melaka.

1.5 Persoalan Kajian

Beberapa persoalan kajian yang boleh diajukan sebagai pernyataan masalah kajian ini adalah seperti berikut:-

- 1.5.1 Apakah latar belakang yang mempengaruhi penglibatan usahawan bumiputera dalam sektor pelancongan di kawasan Bandar Hilir, Melaka?
- 1.5.2 Apakah ciri-ciri usahawan yang mempengaruhi penglibatan usahawan bumiputera di kawasan Bandar Hilir, Melaka?
- 1.5.3 Apakah sebab-sebab yang mendorong usahawan bumiputera terlibat dalam keusahawanan pelancongan di kawasan Bandar Hilir, Melaka?

1.5.4 Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh usahawan bumiputera di kawasan Bandar Hilir, Melaka?